



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 18 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# 5 ditahan seleweng diesel subsidi

Kegiatan tumpas hasil risikan pergerakan mencurigakan 4 lori ‘bonded’

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi apabila menahan lima lelaki dan merampas 44,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM94,600, selepas menyerbu sebuah premis stor di Jalan Chan Sow Lin, Sungai Besi, di sini, Rabu minggu lalu.

Op Tiris 3.0 dijalankan sepanjang 10 pegawai dan anggota dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, hasil risikan seminggu terhadap pergerakan mencurigakan oleh empat lori *bonded* yang kerap keluar masuk premis berkenaan.

Pengarah Kementerian Perda-

gangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin, berkata empat lori lima tan itu dikesan berulang kali membeli diesel di 20 stesen minyak sekitar Ampang, Selangor.

Malah berdasarkan maklumat risikan, beliau berkata, premis stor itu dipercayai baru beroperasi kira-kira sebulan lalu secara haram.

“Hasil pemerhatian mendapat diesel dibeli itu akan dikumpulkan di lokasi terbabit sebelum dipindahkan ke lori tangki yang datang ke stor berkenaan dan kemudian ia akan dihantar ke luar kawasan Kuala Lumpur.

“Diesel berkenaan dipercayai dijual semula kepada pemilik kilang dan tapak pembinaan pada harga lebih murah berbanding harga diesel untuk industri,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

#### Premis tiada lesen

Dalam serbuan berkenaan, Ariffin berkata, polis menahan lima lelaki tempatan membabitkan empat pemandu lori dan seorang pekerja berusia 35 hingga 57 tahun.

Susulan itu, beliau berkata, se-



Ariffin (kanan) menunjukkan barang kes pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

pasukan pegawai dan anggota pengawal kuasa KPDN Kuala Lumpur pergi ke stor terbabit untuk menerima serahan kes daripada PDRM pada 11 Januari lalu.

“Hasil semakan awal kita mendapat premis berkenaan tidak memiliki sebarang lesen atau permit untuk berurusan dengan barang kawalan, iaitu diesel.

“Stesen minyak terbabit juga akan disiasat. KPDN memandangkan terdapat pembelian berulang dalam sehari dilakukan oleh lori yang sama,” katanya.

Beliau berkata, KPDN Kuala Lumpur turut melakukan sitaan semula membabitkan empat lori *bonded* lima tan, dua tangki *skid tank* masing-masing berkapasiti

20,000 liter, 40 unit tangki IBC, lima pam penyedut berserta hos, dan 44,000 liter cecair disyaki diesel.

“Jumlah rampasan 44,000 liter diesel itu dianggarkan bernilai RM94,600. Nilai keseluruhan rampasan termasuk cecair diesel pula dianggarkan bernilai RM300,000.

“Kita tidak menolak kemungkinan aktiviti itu dijalankan secara bersindiket serta sindiket itu mengawal kawasan tertentu untuk memudahkan aktiviti mereka.

“Sindiket dipercayai membuat pembelian diesel bersubsidi di stesen minyak dalam kawasan tertentu. Dalam kes ini, semua pembelian dikesan dilakukan di kawasan Ampang, Selangor saja dan tidak membabitkan kawasan lain,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sepanjang 2023, KPDN Kuala Lumpur membuka 10 kerjas siasatan membabitkan 15 tangkap dan sitaan diesel bersubsidi berjumlah 135,000 liter dianggarkan bernilai RM290,250, dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM965,000 merangkumi kendaraan, peralatan serta barang kawalan.

## 'Sindiket seleweng diesel sasar 20 stesen minyak di Ampang'

**KUALA LUMPUR** – Satu sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi menggunakan beberapa buah lori bonded yang menyasarkan 20 stesen minyak di sekitar Ampang, Selangor untuk 'mengaut' bahan bakar berkenaan.

Modus operandi yang digunakan sindiket tersebut terbongkar selepas 10 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman menyerbu sebuah premis stor haram di Chan Sow Lin, Sungai Besi pada Selasa lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, risikan yang dijalankan PDRM Bukit Aman lebih kurang satu minggu mendapati, terdapat beberapa buah lori bonded lima tan berulang kali membeli diesel di stesen minyak sekitar Ampang.

"Lima lelaki tempatan berusia antara 35 hingga 57 tahun ditahan bagi tujuan siasatan membabitkan empat orang daripadanya adalah pemandu lori dan seorang seorang pekerja di stor terbabit.

"Maklumat risikan turut mendapati premis itu pula telah beroperasi lebih kurang sebulan lalu laitus sekitar pertengahan Disember lalu," katanya ketika ditemui di Pejabat KPDN Kuala Lumpur, di sini semalam.

Dalam pada itu, Ariffin berkata, hasil maklumat yang diperoleh mendapati pembelian yang



ARIFFIN (tengah) menunjukkan gambar sebahagian rampasan bernilai RM300,000 di Pejabat KPDN Kuala Lumpur semalam.

dilakukan oleh lori bonded tersebut melibatkan 20 buah stesen minyak.

"Sitaan semula telah dilakukan oleh KPDN WPKL melibatkan empat buah lori jenis bonded lima tan, dua buah skid tank berkapasiti 20,000 liter setiap satu, empat puluh unit tangki IBC, lima unit pam penyedut berserta hos dan 44,000 liter cecair disyaki diesel," katanya.

Ariffin berkata, nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan bernilai RM300,000.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki menjalankan urus niaga barang kawalan tanpa memiliki lesen yang sah dan juga disyaki menyimpan

barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan.

"Pihak KPDN Kuala Lumpur juga tidak menolak sebarang kemungkinan aktiviti ini dijalankan secara sindiket yang mengawal kawasan tertentu.

"Sindiket ini membuat pembelian diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak dalam kawasan tertentu, di mana bagi kes ini semua pembelian dilakukan di Ampang, Selangor dan tidak melibatkan kawasan lain," katanya.

Tambahnya, ketika ini, terdapat perbezaan harga minyak diesel industri dan yang subsidi hampir RM1 seliter.

"Ini merupakan faktor utama pihak sindiket mengambil kesempatan dan mengaut untung berlipat ganda," katanya.



PENGUAT Kuasa KPDN memeriksa tong dram berisi diesel di atas sebuah trak pikap di sebuah stesen minyak di Temerloh semalam.

## Padah selamba isi bahan bakar dalam tong dram

**TEMERLOH** — Tindakan selamba seorang lelaki secara terang-terangan mengisi diesel ke dalam tong dram yang dilettakan di belakang sebuah trak pikap di stesen minyak di sini semalam, membawa padah apabila dia ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Selain itu, pihak KPDN turut merampas trak pikap berkenaan serta minyak diesel dengan nilai keseluruhan RM35,521 dalam Ops Tiris di daerah ini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Temerloh, Abdul Razak Yahaya berkata, dalam operasi kira-kira pukul 1.45 tengah hari itu, KPDN menahan lelaki berusia 44 tahun itu untuk siasatan lanjut.

"Terdahulu, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN Temerloh melakukan operasi

rutin harian Ops Tiris sebelum terserempak dengan sebuah trak pikap sedang mengisi minyak diesel ke dalam tong dram di bahagian belakang kendaraan berkenaan.

"Kita dapat individu itu menggunakan surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan Malaysia yang telah tamat tempoh bagi membeli barang kawan laju iaitu minyak diesel," katanya di sini semalam.

Katanya, suspek ditahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan siasatan lanjut sedang giat dijalankan.

"Mana-mana individu atau peniaga melakukan kesalahan berdepan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi syarikat pula didenda sehingga RM2 juta di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

## Rampasan RM300,000 sindiket seleweng diesel bersubsidi

**Kuala Lumpur:** Sindiket penyeleweng barang kawalan bersubsidi diesel membabitkan nilai rampasan bernilai RM300,000.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur Ariffin Samsudin memaklumkan pihaknya menerima serahan kes daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan penyelewengaan diesel bersubsidi pada 11 Januari lalu.

Menurutnya, ia adalah susulan serbuan dilakukan oleh pegawai dan anggota polis Bukit Aman pada 10 Januari lalu di sebuah premis dipercayai stor haram yang beralamat di Chan Sow Lin, Sungai Besi merentasi Op Tiris 3.0.

"Lima lelaki tempatan berusia antara 35 hingga 57 tahun ditahan bagi tujuan siasatan membabitkan empat orang darinya adalah



ARIFFIN (kanan) menunjukkan gambar barang kes pada sidang media berkenaan operasi membenteng penyelewengaan diesel bersubsidi.

pemandu lori dan seorang seorang pekerja di stor terbabit.

"Risikan dijalankan oleh PDRM Bukit Aman selama seminggu dan mendapat terdapat beberapa buah lori bonded lima tan berulang-kali membeli diesel di stesen minyak sekitar Ampang.

"Maklumat risikan mendapat premis beroperasi sejak pertengahan Disember lalu dan hasil maklumat pembelian yang dilakukan oleh sindiket ini membabitkan 20 buah stesen minyak," katanya ketika sidang media di pejabat KPDN Kuala Lumpur di sini, semalam.

Ariffin berkata, stesen minyak terbabit turut disiasat oleh KPDN memandangkan terdapat pembelian berulang dalam sehari dilakukan oleh lori yang sama.

Menurutnya, hasil sema-

kan di premis tidak memiliki sebarang lesen atau permit bagi berurusan dengan barang kawalan iaitu diesel.

"Berdasarkan pemerhatian, diesel yang dibeli akan dikumpulkan di lokasi tempat kejadian sebelum dipindahkan ke lori tangki yang datang ke stor berkenaan dan kemudiannya akan dihantar ke luar kawasan Kuala Lumpur.

"Sitaan semula dilakukan oleh KPDN WPKL membabitkan empat buah lori bonded lima tan, dua buah skid tank berkapasiti 20,000 liter setiap satu, 40 unit IBC tank, lima unit pam penyedut berserta hos dan 44,000 liter cecair disyaki diesel dianggarkan bernilai RM94,600 termasuk keseluruhan barang rampasan termasuk cecair diesel dianggarkan bernilai RM300,000," katanya ketika ditemui.

**TASK FORCE OP TIRIS BUKA 10 KERTAS SIASATAN**

# Nilai rampasan RM965,000

Oleh Suharmin Yusuf  
am@hmetro.com

**Kuala Lumpur**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Nege-kri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) menerusi Task Force Op Tiris sudah membuka 10 kertas siasatan membabitkan nilai rampasan keseluruhan bernilai RM965,000 sejak ditubuhkan pada Mac 2023.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, Op Tiris adalah task force di bawah KPDN bersama agensi penguat-



Sejak Task Force Op Tiris ditubuhkan, KPDN Kuala Lumpur sudah membuka 10 kertas siasatan membabitkan 15 tangkapan"

Ariffin

kuasa lain dalam membanteras penyelewengan barang kawalan bersubsidi diesel.

Menurutnya, ia susulan daripada pembentangan

ringgit diselewengkan pada 2022.

Menurut Ariffin, Task Force Op Tiris ditubuhkan pada 1 Mac 2023 dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM).

"Sejak Task Force Op Tiris ditubuhkan, KPDN Kuala Lumpur membuka 10 kertas siasatan membabitkan 15 tangkapan membabitkan warga tempatan berdasarkan sumber risikan dan kerjasama dengan pi-

hak polis.

"Nilai sitaan keseluruhan barang kawalan berjumlah 135,000 liter yang bernilai RM290,250 manakala nilai rampasan keseluruhan dianggar berjumlah RM965,000 termasuk kenderaan, peralatan dan barang kawalan," katanya ketika sidang media di pejabat KPDN WPKL di sini, semalam.

Ariffin berkata, amaran keras kepada mana-mana pihak supaya tidak melanggar undang-undang sedia ada dan KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti penyeleweng barang kawa-

lan bersubsidi.

"Perbezaan harga minyak diesel bersubsidi di stesen minyak dengan minyak diesel industri melebihi RM1 per liter ini menjadi antara faktor utama pihak sindiket yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengait keuntungan," katanya.

"KPDN WPKL ingin menegaskan bahawa mana-mana pihak yang ingkar dan melanggar undang-undang dikuatkuasa akan menerima hukuman yang berat seperti yang ditetapkan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

# 'Bantu turun kos operasi dulu'

Harga makanan di pulau mahal kerana kos operasi lebih tinggi berbanding kawasan lain

Oleh FARAH SHAZWANI ALI  
SHAH ALAM

**K**erajaan perlu memainkan peranan dalam membantu menurunkan kos operasi di kawasan pelancongan di negara ini terutama di pulau peranginan bagi menangani isu harga makanan tinggi.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pelancongan Malaysia (MTF), Dr Sri Ganesh Michiel berkata, pihak berkuasa juga harus lebih

adil terhadap pengusaha makapan serta mengharapkan pengguna bertindak bijak dengan membuat pilihan berdasarkan kemampuan.

Menurutnya, kebanyakannya isu harga makanan mahal berlaku di pulau tidak dapat dielakkan kerana kos operasi tinggi berbanding di kawasan lain.

"Kita perlu faham kos logistik yang ditanggung pengusaha makanan mahal kerana kebanyakannya makanan dibawa dari darat ke pulau. Selain itu, ia juga ber�antung kepada situasi persekitaran seperti tempat sewaan.

"Mereka juga tertakluk kepada kenaikan gaji minimum dan terpaksa menawarkan gaji tinggi untuk menarik

orang bekerja di pulau. Kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada enam ke lapan peratus juga meningkatkan harga barang.

"Semua ini melibatkan rantaian. Saya lihat apa yang boleh dibuat adalah kerajaan bantu dalam menangani kenaikan kos operasi, baru boleh sebut pasal jangan jual makanan dengan harga yang mahal," katanya ke-

pada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyelesaian dalam menangani harga makanan mahal di pusat pelancongan sehingga menyebabkan sebilangan rakyat memilih untuk tidak melancong dalam negara.

naikkan harga makanan atau harga makanan itu mahal. Kita kena tahu sebabnya, mungkin kerana sewa mahal umpamanya," jelas beliau.

Pada masa sama, bagi mengelakkan tertipu atau teraranya, beliau mencadangkan pengguna membuat

laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sekiranya harga makanan yang dibeli tidak masuk akal.

"Setiap kali ingin membeli atau makan di kedai, amalkan untuk lihat dan bertanya harga makanan."

"Jika harganya tinggi dan melebihi peruntukan, jadi pengguna bijak dengan elakkan beli dan pergi ke tempat lain yang harganya lebih murah," katanya.



Laporan *Sinar Harian* mengenai pekedai caj makanan mahal.



SRI GANESH MICHEIL

## Hala tuju gula tempatan bergantung bekalan global

KUALA LUMPUR - Hala tuju industri dan bekalan gula tempatan perlu dilihat bukan hanya pada kadar harga gula di pasaran tempatan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata, faktor lain seperti kestabilan bekalan gula mentah import dan kemampuan rantai industri pembekalan gula diproses tempatan juga harus diberi perhatian terutama pada ketika negara bergantung 100 peratus kepada import gula mentah untuk pasaran domestik.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dunia berhadapan isu harga gula mentah yang semakin melambung tinggi, malah lebih merisaukan ialah risiko kekurangan bekalan gula global," katanya dalam

*Diramalkan pasaran global akan mengalami peningkatan defisit gula sehingga 5.4 juta metrik tan tahun ini, berbanding defisit 1 juta metrik tan pada tahun lepas."*

- Armizan

catatan di Facebooknya pada Rabu.

Beliau mengulas pertemuan bersama dua pengilang gula tempatan iaitu MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Central

Sugars Refinery (CSR), yang diadakan di kementeriannya pada Selasa.

Armizan turut memetik artikel Business Mirror yang melaporkan pedagang gula terbesar dunia, Alvean yang meramalkan dunia sedang berhadapan tahun keenam berturut-turut defisit bekalan gula.

"Diramalkan pasaran global akan alami peningkatan defisit gula sehingga 5.4 juta metrik tan tahun ini, berbanding defisit 1 juta metrik tan pada tahun lepas.

"Ini berpunca pelbagai faktor termasuk keadaan cuaca tidak kondusif untuk penanaman tebu, isu domestik di negara pengeluar utama seperti India dan Thailand serta konflik geopolitik yang menyebabkan pengurangan besar penanaman sugar beet sebagai salah satu sumber bekalan gula selain tebu," katanya. - Bernama

## Expedite introduction of lemon law

NEW cars can be "lemons" too, as the recent case of one breaking down eight hours after it was purchased shows.

As such, Consumers' Association of Penang (CAP) is urging the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDNKS) to look into speeding up the introduction of a lemon law to protect car buyers.

In August 2022, the then Domestic Trade and Consumer Affairs Minister had sounded out a proposal to enact a lemon law after it was found that more than 1,000 cases involving new and used cars were taken to the Tribunal for Consumer Claims Malaysia (TCCM) in the first eight months of that year.

According to Wikipedia, a lemon law "provides a remedy for purchasers of cars and other

consumer goods in order to compensate for products that repeatedly fail to meet standards of quality and performance.

Although many types of products can be defective, the term 'lemon' is mostly used to describe defective motor vehicles, such as cars, trucks, and motorcycles."

A lemon law would strengthen the Consumer Protection Act (CPA) 1999, as it would provide consumers landed with "lemons" (nice to see but sour and tart to taste) an avenue for legal redress. This law requires defective products to be repaired or replaced. A consumer may also request for a price reduction or a refund.

Countries such as the United States, Singapore, South Korea, China and the Philippines have implemented lemon laws.

In Singapore, it is incorporated

in the Consumer Protection (Fair Trading) Act (CPFTA) 2004. The same can be done in Malaysia, i.e. to the CPA.

In most cases, the various defects found in new cars leave owners with few options besides getting the vehicle repaired at authorised workshops.

Moreover, owners of lemons costing more than RM50,000 cannot file a claim for exchange or refund with the TCCM. They have to take the car company to court, incurring an expensive and time-consuming legal process.

Buyers of old cars costing less than RM50,000 can at least seek legal redress from TCCM.

Selling defective cars not only short-changes the customers, but it can also pose a danger to motorists if the vehicle malfunctions while it is on the road.

Under the lemon law in Singapore, a consumer can:

> Make a claim for a defective product purchased within six months;

> Expect the seller of the defective product to repair, replace, refund, or reduce the price of the said product (subject to certain conditions);

> Get the defective product repaired within a reasonable time at the seller's cost; or

> Ask for a price reduction while keeping the product, or return the product for a refund if the seller fails to repair it.

CAP also urges the government to impose the lemon law on all vehicles regardless of price.

It is reasonable that a seriously defective car can be repaired within a maximum of one month, and three attempts are reasonable for the service centre to repair the same defect before the lemon law applies.

Secondhand vehicles must first be inspected by the respective authorities to ensure that they are in reasonably good running condition before being put up for sale.

CAP has received complaints from buyers of secondhand cars who encountered mechanical problems soon after the purchase. CAP reiterates that the government should introduce the lemon law to ensure that car manufacturers and dealers are held responsible for their defective products.

MOHIDEEN ABDUL KADER  
President  
Consumers' Association of Penang



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Orang minyak dan petualang minyak

**HEBOH** minggu lepas apabila berpuluhan rumah penduduk di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Padang Besar, Perlis diganggu dengan ketukan misteri.

Peristiwa itu meskipun bukan suatu yang baharu kepada kita, namun perbuatan tanpa sebab dan tidak diketahui pelakunya sangat mengganggu ketenteraman selain membangkitkan perasaan marah dan kesal.

Di Kuala Pilah tanpa disangka pula, ada penduduk terserempak dengan makhluk yang seakan orang minyak. Mengikut cerita orang tua-tua, orang minyak ini merujuk kepada seseorang yang menuntut ilmu batin bagi tujuan menceroboh masuk ke rumah mangsa untuk mencuri.

Lebih menakutkan ada cerita mengatakan orang minyak ini mereka yang telah tersalah menuntut ilmu menyebabkan dia menjadi hitam dan hanya akan pulih selepas memperkosa 40 gadis.

Kisah orang minyak popular dalam masyarakat Melayu sehingga pernah dijadikan filem pada tahun 1958 dan diarahkan oleh Seniman Agung Negara, Tan Sri P. Ramlee. Sama ada kisah itu sekadar mitos atau memang benar-benar berlaku, gangguan berkenaan memerlukan tindakan mereka yang pakar agar tidak berterusan mengganggu orang ramai.

Di sebalik kisah orang minyak, negara kita hingga hari ini juga masih belum dapat menyelesaikan masalah petualang minyak melibatkan bahan api petrol dan diesel serta minyak peket.

Kerajaan pada 2022 membelanjakan subsidi petroleum sebanyak RM45 bilion bagi memastikan rakyat tidak terkesan dengan harga minyak dunia selain bagi tujuan mengawal daripada kenaikan pelbagai kos berantai lain seperti pengangkutan, makanan dan keperluan atas hartanah.

Selain itu, kerajaan dianggar menyediakan hampir RM1.9 bilion pada 2023 bagi subsidi minyak masak agar rakyat berpendapatan rendah masih dapat menikmati harga mampu milik RM2.50 untuk kegunaan harian.

Malangnya, tidak semua perbelanjaan subsidi itu dinikmati oleh rakyat negara ini kerana wujudnya pengkhianat yang mengaut keuntungan mudah menyeludup ke luar negara selain membeli pada harga subsidi dan dijual kepada pihak industri.

Malah, kebanyiran jutaan warga asing yang datang bagi mencari rezeki di negara ini turut menikmati barang subsidi yang sama sedangkan kos berkenaan turut ditampung daripada hasil cukai yang dibayar oleh rakyat.

Warga asing ini bukan sahaja menikmati subsidi bahan api, minyak masak malah sehingga beras, tepung dan telur ayam. Itu belum dikira subsidi gas, bekalan air, elektrik serta kemudahan hospital.

Oleh sebab itu, pelancaran Pangkalan Data Utama (Padu) bagi pelaksanaan langkah peralihan subsidi pukal kepada lebih bersasar perlu mengambil kira ketirisan-ketirisan wang kerajaan. Jangan nanti golongan yang setia membayar cukai berasa terpinggir daripada perhatian dan pembelaan.

“

Di sebalik kisah orang minyak, negara kita hingga hari ini juga masih belum dapat menyelesaikan masalah petualang minyak melibatkan bahan api petrol dan diesel serta minyak peket.”

# Rakyat masih terbeban kos hidup

**SAUDARA PENGARANG,**

**SEBELUM** ini *Utusan Malaysia* menerbitkan artikel bertajuk *Bila tindakan ke atas kartel beras pula?* yang menyentuh mengenai kesulitan rakyat untuk mendapatkan beras tempatan di pasaran ketika ini.

Sebenarnya tiada sebarang perubahan dari segi tindakan sama ada sebelum atau selepas rombakan Kabinet.

Adakah kerajaan beranggapan dengan inisiatif Jualan Rahmah yang diadakan sekali sekala sudah cukup untuk mengurangkan beban rakyat?

Untuk makluman, Jualan Rahmah ini lebih menguntungkan penduduk di bandar sementara orang-orang kampung dan masyarakat di luar bandar yang rata-rata terdiri daripada kalangan B40 terus hidup menderita dan terhimpit dalam keadaan ini.

Kami berdepan kesulitan untuk mendapatkan beras tempatan pada harga biasa, RM13 bagi 5 kilogram (kg) sementara minyak masak berpaket dan gula pasir terus menjadi isu yang berpanjangan untuk sekian lama.

Semua kedai runcit di luar bandar terutama di Sik, Kedah sukar untuk mendapatkan barang tersebut.

Tiada tempat untuk buat aduan dan apabila sukar mendapatkan beras tempatan, maka terpaksa membeli beras import dengan harga mahal. Paling murah boleh dapat pun pada sekitar RM21 untuk 5kg.

Begitu juga tiada gula pasir bersubsidi, menyebabkan penduduk terpaksa



**Untuk makluman,  
Jualan Rahmah ini lebih  
menguntungkan penduduk  
di bandar sementara  
orang-orang kampung dan  
masyarakat di luar bandar  
yang rata-rata terdiri daripada  
kalangan B40 terus hidup  
menderita dan terhimpit  
dalam keadaan ini."**

membeli gula berharga RM4 atau lebih bagi sekilogram.

Mungkin ini agaknya cara permainan kartel yang menguasai lebih 80 peratus pasaran beras negara dan mereka bijak memanipulasi sehingga beras tempatan terus tiada di pasaran, yang ada semua beras dengan label import pada yang harga mahal melambung. Ini menambah beban kepada rakyat.

Semoga perkara ini mendapat perhatian dan tindakan yang lebih berkesan daripada kerajaan.

**ZAINUL ABIDIN TEH**  
Sik, Kedah

Oleh Mary Victoria  
 Dass  
 bisnes@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

**M**SM Holding Bhd (MSM) mencadangkan kerajaan menaikkan harga RM2.85 sekilogram untuk gula peket kasar kepada RM3.85 sekilogram selaras dengan kos pengeluaran semakin meningkat.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM Hasni Ahmad berkata, buat masa ini syarikat berkenaan beroperasi dalam kerugian apabila harga jualan gula tidak munasabah mengikut kos operasi.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan bagi langkah menaikkan harga sekilogram gula kasar sebanyak RM1.

Menurutnya, gula pada masa ini produk yang dikawal harga oleh kerajaan dan bukannya produk bersubsidi.

"MSM pada masa ini memampung margin keuntungan yang negatif bagi jualan gula runcit dan borong berbanding dengan kos pengeluaran, sekali gus menjadikan harga ketika ini adalah tidak bersesuaian."

"Kami percaya kerajaan akan menangani isu ini. Langkah ini perlu dibuat kerana kos pengeluaran sudah tidak boleh dikawal atas beberapa faktor antaranya perang di Ukraine, perang di Timur Tengah dan juga kejatuhan nilai matawang ringgit."

"Buat masa ini kami masih menunggu keputusan rasmi berkaitan cadangan kenaikan harga gula kepada RM3.85."

"Kami juga berpandangan supaya harga siling



GULA pada masa ini adalah produk yang dikawal harga oleh kerajaan dan bukannya produk bersubsidi.

**MSM CADANG NAIKKAN HARGA GULA KEPADA RM3.85**

# OPERASI DALAM RUGI

gula juga dihapuskan berikutan kita tidak boleh mengawal kos pemprosesan dan kita perlu menjual apa yang munasabah atau berpatutan.

"Sebagai pengeluar gula terbesar di negara ini, MSM akan terus menyediakan keterjaminan makanan kepada negara di tengah-tengah pelbagai cabaran kos input yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian di sidang media sempena Rombongan Media ke MSM Johor di Tanjung Langsat di

sini, semalam.

Sementara itu, Hasni berkata, pihaknya juga yakin pengeksportan gula ke Singapura dijangka bermula suku pertama atau kedua tahun ini langsung tidak akan menjelaskan bekalan di pasaran tempatan.

Beliau berkata, MSM bercadang mengeksport produk terbaik dalam barisan produk Gula Prai iaitu gula putih premium

**Masalah kekurangan bekalan gula tidak berpunca daripada pengeluaran kilang MSM**

Gula Super ke negara jiran itu.

"MSM Johor mempunyai keupayaan tanpa halangan untuk menghasilkan pada kapasiti pengeluaran reka bentuk yang efektif iaitu sebanyak sejuta tan setahun."

"Pengeluaran MSM termasuk di Prai, Pulau Pinang mampu menampung kapasiti mencukupi untuk permintaan

domestik gula sebanyak 1.6 juta tan setahun.

"Berkaitan masalah kekurangan bekalan gula, mungkin ia berlaku di bahagian pengedaran dan tidak berpunca daripada pengeluaran kilang MSM," katanya.

Sementara itu, beliau turut meminta kerajaan memberikan penekanan terhadap usaha keselamatan makanan khususnya melibatkan produk gula kerana ia merupakan satu keperluan asas rakyat negara ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 18 JANUARI 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Jan	KPDN rampas diesel bersubsidi bernilai RM94,600	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/kpdn-rampas-diesel-bersubsidi-bernilai-rm94600/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/kpdn-rampas-diesel-bersubsidi-bernilai-rm94600/</a>	KOSMO
18-Jan	OPS TIRIS BANTERAS PENYELEWENGAN DAN PENYELUDUPAN MINYAK DIESEL BERSUBSIDI	<a href="https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/01/17/ops-tiris-banteras-penyelewengan-dan-penyeludupan-minyak-diesel-bersubsidi/">https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/01/17/ops-tiris-banteras-penyelewengan-dan-penyeludupan-minyak-diesel-bersubsidi/</a>	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
18-Jan	Lelaki ditahan guna surat kebenaran tamat tempoh beli diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lelaki-ditahan-guna-surat-kebenaran-tamat-tempoh-beli-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lelaki-ditahan-guna-surat-kebenaran-tamat-tempoh-beli-diesel/</a>	KOSMO
18-Jan	KPDN pantau scam penjualan minyak masak dalam talian	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kpdn-pantau-scam-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/">https://suaramerdeka.com.my/kpdn-pantau-scam-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/</a>	SUARA MERDEKA
18-Jan	Motor 'panas' berbeza harga	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1051333/motor-panas-berbeza-harga">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1051333/motor-panas-berbeza-harga</a>	HARIAN METRO
18-Jan	Lelaki Indonesia cuba seleweng barang kawalan ditangkap	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/17/lelaki-indonesia-cuba-seleweng-barang-kawalan-ditangkap">https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/17/lelaki-indonesia-cuba-seleweng-barang-kawalan-ditangkap</a>	UTUSAN BORNEO
18-Jan	Malaysia tidak kekurangan gula, hanya pembekal kurang cekap	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1201234/malaysia-tidak-kekurangan-gula-hanya-pembekal-kurang-cekap">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1201234/malaysia-tidak-kekurangan-gula-hanya-pembekal-kurang-cekap</a>	BERITA HARIAN
18-Jan	Hala tuju industri gula tempatan bergantung kepada bekalan gula global - Armizan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hala-tuju-industri-gula-tempatan-bergantung-kepada-bekalan-gula-global-armizan-454449">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hala-tuju-industri-gula-tempatan-bergantung-kepada-bekalan-gula-global-armizan-454449</a>	ASTRO AWANI
18-Jan	Direction of local sugar industry depends on global supply - Armizan	<a href="https://thesun.my/local_news/direction-of-local-sugar-industry-depends-on-global-supply-armizan-LA11997408">https://thesun.my/local_news/direction-of-local-sugar-industry-depends-on-global-supply-armizan-LA11997408</a>	THE SUN
18-Jan	Labuan receives sugar supply after week-long shortage	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/01/17/labuan-receives-sugar-supply-after-week-long-shortage/">https://www.theborneopost.com/2024/01/17/labuan-receives-sugar-supply-after-week-long-shortage/</a>	THE BORNEO POST

18-Jan	Labuan terima bekalan gula selepas masalah kekurangan lebih seminggu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/644934/edisi/sabah-sarawak/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu">https://www.sinarharian.com.my/article/644934/edisi/sabah-sarawak/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu</a>	SINAR HARIAN
18-Jan	Labuan terima bekalan gula selepas masalah kekurangan lebih seminggu	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu-454480">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu-454480</a>	ASTRO AWANI
18-Jan	Labuan terima bekalan gula selepas masalah kekurangan lebih seminggu	<a href="https://www.wilayahku.com.my/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu/">https://www.wilayahku.com.my/labuan-terima-bekalan-gula-selepas-masalah-kekurangan-lebih-seminggu/</a>	WILAYAHKU
18-Jan	Labuan terima bekalan gula selepas masalah kekurangan lebih seminggu	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2263344">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2263344</a>	BERNAMA
18-Jan	KPDN: No compromise on abuse of subsidised cooking oil including sales online	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/01/17/kpdn-no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-sales-online/">https://www.theborneopost.com/2024/01/17/kpdn-no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-sales-online/</a>	THE BORNEO POST
18-Jan	No compromise on abuse of subsidised cooking oil including online sales - KPDN	<a href="https://thesun.my/local_news/no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-online-sales-kpdn-DA11997105">https://thesun.my/local_news/no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-online-sales-kpdn-DA11997105</a>	THE SUN
18-Jan	Ministry says no compromise on abuse of subsidised cooking oil including online sales	<a href="https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2024/01/17/ministry-says-no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-online-sales/112924">https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2024/01/17/ministry-says-no-compromise-on-abuse-of-subsidised-cooking-oil-including-online-sales/112924</a>	MALAYMAIL
18-Jan	KPDN tidak kompromi penyelewengan minyak masak bersubsidi termasuk jualan dalam talian	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2263238">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2263238</a>	BERNAMA
18-Jan	KPDN enggan kompromi kes seleweng minyak masak bersubsidi	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/480274">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/480274</a>	THE MALAYSIA INSIGHT
18-Jan	Lelaki dicekup seludup gula, Milo	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lelaki-indonesia-ditahan-seludup-keluar-barangan-makanan/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/17/lelaki-indonesia-ditahan-seludup-keluar-barangan-makanan/</a>	KOSMO